

Headline	'Perlu alih pencawang TNB dulu sebelum roboh Stadium Shah Alam'		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	16 Jan 2024	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	39
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	248 cm ²		
PR Value	RM 15,774		



'Perlu alih pencawang TNB dulu sebelum roboh Stadium Shah Alam'

KERJA pengalihan pencawang elektrik TNB perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum proses perobohan Stadium Shah Alam boleh dilaksanakan, lapor NORAFIZA JAAFAR.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pencawang elektrik berkenaan yang membekalkan tenaga kepada penduduk Seksyen 13 perlu dialihkan bagi mengelak masalah gangguan elektrik.

Menurutnya, kerja perobohan akan dilakukan sejurus isu teknikal berkenaan diselesaikan.

"Kita sedang ubah ariran itu bagi mengelak penduduk di sana (Seksyen 13) bergelap.

"Itu aspek yang perlu diberikan pertimbangan terlebih da-

hulu walaupun kelulusan (perrobohan) telah dikeluarkan MBSA (Majlis Bandaraya Shah Alam) Disember tahun lalu," katanya mengenai status perrobohan Stadium Shah Alam.

Media sebelum ini melaporkan stadium berkenaan dijadual dirobohkan Disember lalu namun tertangguh sehingga kini.

Ia menimbulkan persoalan dalam kalangan peminat Selangor berkenaan status semasa pembinaan kompleks sukan serta stadium baru itu.

Amirudin berkata, proses perrobohan juga akan mengambil masa kerana menggunakan kaedah manual iaitu bantuan mesin berbanding bahan letupan.

"Perrobohan akan berlaku

dan saya akan pastikan ia disegerakan namun kita tidak boleh gunakan peledak atau bom yang akan beri kesan kepada kawasan kejiranan di situ.

"Disebabkan itu, proses perrobohan dilakukan secara manual dan mengambil masa sedikit panjang," katanya.

Kerajaan Selangor sebelum ini mengumumkan pembinaan kompleks sukan baharu termasuk pembinaan semula Stadium Shah Alam yang melanjutkan kos antara RM787 hingga RM800 juta.

Ia bakal dilengkapi teknologi tinggi apabila permukaan padangnya boleh diubah seperti terdapat di Stadium Alabama, Amerika Syarikat.



Kerja pengalihan pencawang elektrik TNB perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum proses perrobohan Stadium Shah Alam boleh dilaksanakan. Gambar Kecil: Amirudin